

08/12/1997

Langkah baru pulih keyakinan pelabur: PM (HL)

Ebi Azly Abdullah; Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff
LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin langkah-langkah baru untuk mengukuhkan ekonomi yang diumumkan kerajaan dapat mengembalikan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan terpaksa mengambil langkah tertentu bagi memulihkan keyakinan terhadap ekonomi negara, yang sudah tentunya memerlukan pengorbanan semua pihak.

Sehubungan itu, beliau berharap semua pihak khususnya parti pembangkang, memahami langkah terbaru yang diumumkan kerajaan itu, yang dianggap penting jika ekonomi negara mahu dipulihkan segera.

Sambil menyifatkan langkah berkenaan sebagai yang paling jelas diambil oleh kerajaan sehingga kini, Dr Mahathir berkata kerajaan sudah melaksanakan apa yang perlu untuk memulihkan keyakinan terhadap ekonomi.

"Kerajaan sudah memutuskan langkah terbabit dan (Datuk Seri) Anwar sudah mengumumkannya kelmarin. Kita terpaksa mengambil langkah tertentu yang mengagih pengorbanan semua pihak.

"Saya berharap semua pihak memahami mengapa pengorbanan itu dibuat jika kita mahu memulihkan ekonomi," katanya dalam sidang akhbar pada hari terakhir Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi '97 (Lima '97) di sini hari ini.

Antara langkah yang diumumkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin ialah unjuran kadar pertumbuhan lebih rendah bagi tahun depan iaitu antara empat hingga lima peratus berbanding tujuh peratus seperti diumumkan dalam Belanjawan 1998.

Selain itu, kedudukan imbalan bayaran balik dikaji semula bagi mengurangkan defisit akaun semasa daripada empat peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 1998 kepada tiga peratus.

Bagi mencapainya, kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan Persekutuan sebanyak 18 peratus bermula pengurangan menyeluruh 10 peratus dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta lapan peratus lagi atas dasar lebih memilih.

Mengenai pertemuannya dengan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang semalam, Dr Mahathir berkata, beliau hanya menjelaskan fungsi Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) dan masalah yang dihadapi negara sekarang.

Ditanya sama ada parti pembangkang dibenarkan menganggotai NEAC, Perdana Menteri menjelaskan, ketika ini belum ada rancangan untuk memasukkan parti pembangkang ke majlis berkenaan.

Mengenai isu kenaikan harga makanan, Perdana Menteri berkata orang ramai perlu membuat laporan dan tidak membeli barangan daripada peniaga yang berbuat demikian.

"Ada tempat lain yang menawarkan harga berpatutan, dan orang ramai boleh membeli dari premis itu," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya sama ada wujud langkah khas yang akan dibawa ke mesyuarat ketua-ketua negara Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) minggu ini bagi mengukuhkan pertubuhan itu.

"Saya tidak ada sebarang langkah khas. Saya cuma hanya mahu menemui pemimpin negara lain dan membincangkan masalah semasa dengan mereka," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir dipetik oleh Agensi Berita Republik Islam Iran (Irna) dalam satu temubual sempena sidang OIC dari 9 hingga 11 Disember ini sebagai berkata, OIC tidak seperti diharapkan dan perlu berbuat lebih banyak lagi untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan negara Islam.

(END)